

Semarak Merdeka Warga SK Sungai Bedaun Disambut Meriah dan Berwarna Warni



Labuan – Sambutan Bulan Kemerdekaan Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun (SKSB), berlangsung meriah dengan pelbagai aktiviti bermula pada 12 Ogos dan berakhir pada 20 September yang lalu.

Aktiviti disertai oleh 691 murid dan 43 guru itu diadakan setiap tahun bagi menyemarakkan sambutan kemerdekaan negara. Bertemakan Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih, sambutan yang diadakan di Dewan Mutiara, SKSB itu disambut dengan meriah, berwarna warni dan bersifat patriotik.

Pelancaran Bulan Kemerdekaan telah diadakan pada 12 Ogos di Dewan Permata SKSB. Dalam majlis tersebut diadakan nyanyian lagu jalur gemilang dan kibaran jalur gemilang. Aktiviti

sepanjang bulan kemerdekaan turut diumumkan.

Program Semarak Merdeka di SKSB bermula pada 26 Ogos yang lalu dengan kerjasama *Maybank Corporate Responsibility (CR) Day*. Sebanyak lima kontinjen yang melibatkan seramai 105 orang murid tahun 4 dan 5 serta 25 orang pegawai daripada Maybank Labuan membuat perarakan hari kemerdekaan di Dataran SKSB. Peserta perarakan tersebut memakai pakaian tradisional yang melambangkan perpaduan rakyat daripada pelbagai kaum dan bangsa.

Urusetia Program turut mengadakan Sambutan Ambang Merdeka yang berlangsung dengan meriah pada 30 Ogos di Dewan Permata sekolah tersebut.



Peserta Fesyen Merdeka bergambar ceria bersama guru-guru. Semua warga SKSB mengibarkan jalur gemilang sambil menyanyikan lagu patriotik. Guru Besar, Puan Dg. Sarifah

Binti A. Mahmud turut mengetuai laungan merdeka sebanyak tujuh kali.

Pertandingan nyanyaian lagu patriotik turut diadakan pada 17 September lalu bagi menyemarakkan semangat merdeka di kalangan murid-murid. Begitu juga pertandingan mendeklamasi sajak. Ianya disertai oleh murid-murid tahun 4 hingga 6 .

Majlis Penutupan Bulan Kemerdekaan telah diadakan pada 20 September lalu di Dewan Permata sekolah tersebut. Antara pengisian program ialah pertandingan fesyen merdeka, basikal berhias dan persembahan koir lagu patriotik.



Peserta koir lagu patriotik sedang membuat persembahan semasa Penutupan sambutan Bulan Kemerdekaan.



Peserta basikal berhias memperagakan basikalnya semasa Majlis Penutup Bulan Kemerdekaan.

Puan Dg.Sarifah berkata, selain memeriahkan sambutan kemerdekaan negara, program yang diadakan bertujuan untuk mengukuhkan perasaan cintakan negara dan memupuk daya juang dalam kalangan generasi muda.

□Kesenangan hari ini bukan diarih dengan mudah, sebaliknya menuntut pengorbanan yang besar generasi terdahulu, termasuk mengorbankan nyawa dan harta benda. Justeru semangat menjawai kemerdekaan perlu ditanam di dalam jiwa anak-anak seawal usia di bangku sekolah rendah lagi.□

Katanya ketika menyampaikan ucapan perasmian penutupan.

Menurutnya lagi, generasi alaf21 perlu melengkapkan diri dengan semangat patriotisme yang tinggi agar menjadi lebih kompetitif dan dinamik. Walaupun bulan Ogos dan September dianggap bulan peperiksaan penting terutamanya bagi murid Tahun 6, namun ini tidak bermakna sambutan tidak boleh diadakan.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Panitia Sejarah kerana dapat menyusun aktiviti yang menarik sepanjang bulan kemerdekaan.

Oleh itu, murid-murid harus memahami dan menghayati sejarah perjuangan negara bagi mencapai kemerdekaan serta menjamin keamanan dan kemakmuran negara, katanya lagi.

Penyelaras Program Semarak

Merdeka Shafawati Binti Seliat berkata, pada tahun ini pelbagai program dan aktiviti diadakan untuk melahirkan murid yang mampu mengaplikasikan kemahiran sejarah yang sebenarnya serta mencungkil kreativiti murid.

“Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2019 yang ke-62 tahun bertemakan Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih menekankan usaha memupuk perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan agama. Semoga usaha ini dapat menonjolkan nilai integriti serta jati diri dalam kalangan warga sekolah dan rakyat Malaysia amnya. Katanya ketika majlis penutupan bulan kemerdekaan.



Puan Dg. Sarifah merakamkan gambar kenangan bersama guru-guru dan pemenang peserta fesyen merdeka. Bagi memeriahkan suasana sambutan kemerdekaan itu, guru turut berpeluang menyertai

pertandingan mewarna dan menulis eseи. Pertandingan Reka Cipta buku Skrap Kemerdekaan dan Reka Cipta daripada bahan terbuang dengan penerapan elemen STEM turut diadakan.

Majlis penutupan bulan kemerdekaan peringkat SKSB diakhiri dengan penyampaian hadiah bagi setiap acara yang dipertandingkan serta nyanyian lagu patriotik dengan penuh semangat daripada seluruh warga sekolah.

Semoga semarak merdeka akan terus membara di dalam diri anak-anak muda.

Berita Oleh : SK Sungai Bedaun



Puan Dg. Sarifah (kiri), Puan Rina Farrina (dua dari kiri), Ustazah Kamariah (dua dari kanan), Encik Mohd Aizam (kanan) bergambar ceria di hadapan hasil kerja murid bagi pertandingan Reka cipta daripada bahan terbuang.